

27 SEP 2002

Mahathir-Aman/I

KEINGINAN BERTERUSAN UNTUK BALAS DENDAM JADIKAN DUNIA TEMPAT YANG BAHAYA

JOHOR BAHRU, 27 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dunia hari ini seolah-olah tempat yang bahaya untuk didiami memdangkan terdapat keinginan yang berterusan untuk membalas dendam yang boleh menjurus kepada malapetaka yang lebih buruk.

Perdana Menteri berkata tahun lepas, dunia diselubungi pergolakan dan ketakutan, bermula dengan serangan pengganas ke atas New York pada 11 Sept, diikuti peperangan yang menyebabkan kemusnahan di Afghanistan dan kini serangan yang akan dilakukan ke atas Iraq serta kekejaman yang sedang berlaku di Palestin.

"Kita berharap peristiwa-peristiwa yang berlaku tahun lepas dapat mengajar kita bahawa keamanan dan perdamaian, serta usaha mendalam dan komited untuk mengenal pasti dan menyelesaikan punca berlakunya keganasan, merupakan jawapan untuk menangani kebencian dan ekstremisme.

"Sebaliknya, apa yang kita lihat ialah keinginan berterusan untuk membalas dendam yang hanya akan menjurus kepada malapetaka yang lebih buruk," kata Dr Mahathir dalam perutusannya pada buku cenderamata sempena Konsert Keamanan Dunia 2002 yang akan berlangsung di sini pada 12 Okt.

Dalam perutusan yang diedarkan kepada media hari ini, Dr Mahathir berkata satu serangan akan diikuti serangan yang lebih besar dan memusnahkan, berlingkar-lingkar dalam buatan keganasan.

"Malang sekali, tiada usaha dilakukan bagi menyelesaikan punca keganasan yang sepatutnya kegilaan itu boleh dihentikan terus," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata aktiviti seperti Konsert Keamanan Dunia dipuji kerana ia mengingatkan manusia bahawa jawapan kepada keganasan adalah dengan saling bermaafan, keamanan dan perdamaian.

"Saya memuji penganjur Konsert Keamanan Dunia di atas usaha mereka yang tidak dapat dinafikan lagi akan meningkatkan perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama," katanya.

Dr Mahathir berharap konsert itu akan berjaya menyumbang, sekecil manapun, kepada keamanan untuk semua orang.

Konsert anjuran Jawatankuasa Keamanan Dunia yang berpejabat di Johor Baharu yang diketuai Dr Jojo M. Fung itu bertujuan menyatakan penghargaan tulus ikhlas rakyat Malaysia di atas rahmat yang diterima sejak 45 tahun lepas.

Sementara itu, Fung memberitahu pemberita bahawa menerusi semangat Malaysia Boleh!, penganjur berharap dapat mengumpul sokongan rakyat Malaysia bagi membantu usaha Mercy Malaysia untuk menghantar bantuan perubatan untuk rakyat dunia yang menjadi mangsa konflik.

"Kami berharap dapat mengumpul RM25,000 daripada sumbangan untuk Mercy Malaysia, sukarelawan bantuan perubatan Malaysia," katanya yang menambah bahawa penderma boleh menyumbang terus kepada akaun bank Mercy Malaysia bernombor 5640-1610-6789.

Tiket-tiket untuk menyaksikan konsert percuma anjuran bersama stesen radio WOW FM dan Hotel New York Hotel, boleh didapati dalam bentuk pas percuma di sekretariat Kosert Keamanan dunia di 60 Jalan Kebudayaan 1, Taman Universiti, Skudai.

Konsert budaya, teater dan muzikal yang akan berlangsung di Stadium Tertutup Johor Baharu dari pukul 7.30 malam, 12 Oktitu membariskan artis terkenal seperti Rabbit, Alleycats, Lo, Amir Yusof, Francesca Peters, Lim

Yi Ching dan penari Fine Arts Centre.
-- BERNAMA
MNY LAT